

0829

R 8069 DEB

MAHATHIR-JIMAT

KUALA LUMPUR, 24 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGAJAK SELURUH UMAT ISLAM SUPAYA BERJIMAT CERMAT DAN MENJAUHKAN DIRI DARIPADA PEMBAZIRAN.

KATANYA UMAT ISLAM YANG MENJADI RAKYAT NEGARA INI HENDAKLAH MENYEDARI BAHAWA NEGARA SEKARANG MENGHADAPI ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI.

DALAM PERUTUSAN TERMUAT PADA BUKU CENDERAMATA MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA KE-27, PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN AMALAN BERJIMAT CERMAT, IA BUKAN SAHAJA DAPAT MENOLONG MEMPORTEGUHKAN EKONOMI DIRI SENDIRI BAHKAN DAPAT MENGUKUHKAN EKONOMI NEGARA.

MENGENAI TEMA MUSABAQAH TAHUN INI +BERJIMAT BERKAT, MEMBAZIR MUDARAT+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PEMILIHAN TEMA INI BERDASARKAN PERI PENTINGNYA UMAT ISLAM MEMBEBASAKAN DIRI DARIPADA PEMBAZIRAN IAITU DENGAN BERJIMAT CERMAT.

KATANYA INI KERANA AMALAN DEMIKIAN AMAT DIKEHENDAKI OLEH ISLAM DAN SELARI DENGAN ROH AL-QURAN. -- LAGI.
1508MST 24 05 86

R 8074 DEB

MAHATHIR-JIMAT 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA AMALAN BERJIMAT ITU TIDAK TERBATAS KEPADA KEDUDUKAN PENDAPATAN SESEORANG ATAU ZAMAN MANA SESEORANG ITU BERADA - SAMA ADA MELESET ATAU MEWAH.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN, + JIKA KITA PANDAI BERJIMAT DENGAN MENGATURKAN PERBELANJAAN KITA, MAKA HASILNYA KITA AKAN DAPAT MENGUMPULKAN PENDAPATAN KITA SEDIKIT DEMI SEDIKIT SEHINGGA KITA DAPAT MENYUBURKANNYA DENGAN PELBAGAI CARA BAGI FAEDAH MENGUKUHKAN EKONOMI KITA SENDIRI.+

BELIAU BERKATA DENGAN CARA DEMIKIAN, MEREKA BUKAN SAHAJA DAPAT MENOLONG DIRI SENDIRI BAHKAN DAPAT MENOLONG ORANG LAIN YANG BERHAJAT KEPADA PERTOLONGAN.

YANG PALING PENTING IALAH DENGAN HARTA YANG TERKUMPUL ITU, MEREKA DAPAT MENGGUNAKANNYA BAGI MENGEMBANGKAN AJARAN ISLAM SERTA MEMAJUKAN AGAMA ISLAM ITU SENDIRI, TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA + HASIL USAHA KITA ITU ALLAH AKAN MEMBALASKAN DENGAN PAHALA YANG BERLIPAT GANDA SEBAGAIMANA YANG TELAH DIJANJIKAN OLEH-NYA. INILAH YANG DIKATAKAN BERJIMAT MEMBAWA KEBERKATAN.+ -- LAGI.
1518MST 24 05 86

R 8079 DEB

MAHATHIR-JIMAT 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MANARIK PERHATIAN BAHAWA AMALAN MEMBAZIR SAMA ADA DARIPADA SEGI PERBELANJAAN, WAKTU TENAGA DAN SEBAGAINYA AMAT MERUGIKAN DIRI SENDIRI.

KESANNYA AKAN MENGGUGATKAN KESTABILAN EKONOMI NEGARA, TEGAS PERDANA MENTERI.

SEBAB ITULAH, ISLAM AMAT MELARANG UMATNYA MELAKUKAN AMALAN YANG MEMBAZIR YANG DIANGGAP SEBAGAI SAUDARA SYAITAN.

MENURUTNYA DI ANTARA KESAN BURUK YANG DAPAT DILIHAT DENGAN JELAS BAGI ORANG-ORANG YANG MEMBAZIR IALAH MEREKA AKAN MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH DIRI SENDIRI - TIDAK KIRA DARIPADA GOLONGAN MANA SEKALI PUN.

KESAN AMALAN MEMBAZIR JUGA AKAN MEMBAWA KEPINCANGAN EKONOMI YANG AKHIRNYA MENDORONG MEREKA MELAKUKAN JEJAYAH SEPERTI RASUAH, MEROMPAK DAN MENCURI, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1531MST 24 05 86

D844

R 8080 DEB

MAHADHIR-JIMAT 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BEGITU JUGA DENGAN AMALAN SESETENGAH MASYARAKAT ISLAM YANG AMAT SUKA MEMBAZIRKAN WAKTU DAN TENAGA DENGAN BERFOYA-FOYA DAN MENGHABISKAN MASA DI TEMPAT-TEMPAT HIBURAN DAN MEMBELI-BELAH.

KATANYA MEREKA TIDAK MENYEDARI BAHAWA NEGARA AMAT BERKEHENDAKKAN TENAGA MEREKA BAGI MENERJAKAN SESUATU YANG MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA DIRI SENDIRI, WALAUPUN PADA LAHIRNYA PEKERJAAN SEDEMIKAN TIDAK MEMBERI PULANGAN MATERIAL YANG BANYAK.

MENURUT PERDANA MENTERI, TETAPI JIKA NIAT BEKERJA ITU IKHLAS MAKA KERJA ITU DIANGGAP SEBAGAI SATU IBADAT YANG DIBERI GANJARAN PAHALA OLEH ALLAH.

SELARAS DENGAN ITU, BELIAU MEMINTA SELURUH UMAT ISLAM SUPAYA MENDISIPLINKAN DIRI KE ARAH MENGAMALKAN SIKAP BERJIMAT CERMAT DAN MENJAUHKAN DIRI DARIPADA PEMBAZIRAN. -- BERNAMA.

1533MST 24 05 86